

**GARIS PANDUAN**  
**ANUGERAH INOVASI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (AIPDT) PERINGKAT**  
**NEGERI PERAK TAHUN 2025**

**1. TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk membantu Pejabat Daerah dan Tanah mengemukakan permohonan untuk menyertai Anugerah Inovasi Pejabat Daerah dan Tanah (AIPDT) 2025 sempena pertandingan Anugerah Inovasi Peringkat Negeri Perak Tahun 2025.

**2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

- 2.1 Pencilonan adalah terbuka kepada **semua Pejabat Daerah dan Tanah di dalam negeri Perak;**
- 2.2 Pencilonan adalah untuk inovasi yang telah diaplikasikan **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan atau tidak melebihi 3 tahun dan belum pernah dicalonkan di dalam mana-mana AIPDT** peringkat negeri Perak Darul Ridzuan sebelum ini;
- 2.3 Inovasi yang dicalonkan untuk AIPDT 2025 **tidak boleh menyertai Anugerah Inovasi dalam kategori yang lain;**
- 2.4 Inovasi yang dicalonkan perlu **terdiri daripada perkhidmatan teras PDT** yang memberi faedah kepada rakyat/ pelanggan secara langsung;
- 2.5 Inovasi yang dicalonkan hendaklah terdiri daripada inovasi terbaik yang telah dimuktamadkan oleh Pengurusan PDT. Setiap PDT dihadkan untuk menghantar tiga (3) pencilonan sahaja;
- 2.6 Projek/ Hasil Ciptaan Inovasi yang terpilih akan didaftarkan di bawah nama Kerajaan Negeri Perak dan menjadi hak cipta Kerajaan Negeri

Perak. Pembayaran bagi pendaftaran hak cipta tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri Perak serta 10 peratus hasil pengkomersialan (sekiranya ada) perlu disalurkan kepada Kerajaan Negeri Perak; dan

2.7 Keputusan Panel Penilai AIPDT 2025 adalah **MUKTAMAD**.

### 3. PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PEMENANG AIPDT 2025

3.1 Semua permohonan berbentuk *softcopy* perlu dikemukakan melalui *online/ google drive/ e-mel* atau mana-mana platform yang bersesuaian sebelum tarikh tutup selewat-lewatnya pada **15 JULAI 2025**.

3.2 Calon-calon yang layak menyertai AIPDT perlu membentangkan secara fizikal di hadapan juri pada bulan **SEPTEMBER 2025**. Calon perlu menyediakan satu **(1) salinan projek yang dibentangkan secara *hardcopy* dan dikemukakan kepada pihak urus setia untuk tindakan selanjutnya**. Dokumen mestilah disediakan menggunakan **format A4, Arial font 12 dan 1.5 spacing**.

### 4. HADIAH PENGHARGAAN

Pemenang AIPDT 2025 Peringkat Negeri Perak akan menerima hadiah;

<b>PERTAMA</b>	Wang Tunai <b>RM10,000.00</b> , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KEDUA</b>	Wang Tunai <b>RM8,000.00</b> , Piala dan Sijil Penghargaan
<b>KETIGA</b>	Wang Tunai <b>RM5,000.00</b> , Piala dan Sijil Penghargaan

## 5. KRITERIA PENILAIAN AIPDT 2025

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
1.	IDEA	<p><b><u>Kreativiti</u></b></p> <p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri keaslian dan adaptasi. Penerangan mengenai kriteria ini perlu mempunyai ciri-ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keaslian</b> Inovasi yang dihasilkan adalah idea yang asli.</li> <li>• <b>Adaptasi (dengan penambahbaikan/ pengubahsuaian)</b> Inovasi yang dihasilkan merupakan penambahbaikan atau pengubahsuaian idea sedia ada.</li> </ul>	10
2	TAHAP PELAKSANAAN	<p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana tahap pelaksanaan inovasi yang dihasilkan sama ada ia telah berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Secara penuh</b> (melempi peringkat percubaan)</li> <li>• <b>Secara percubaan</b> (di peringkat prototaip)</li> </ul>	10

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
3	<b>REPLICABILITY</b>	<p>Kriteria ini bertujuan untuk melihat sejauh mana projek inovasi yang dihasilkan <b>memenuhi ciri-ciri replicability</b> seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh dilaksanakan secara terus di <b>pelbagai tempat</b>.</li> <li>• Terdapat <b>bukti inovasi boleh diguna pakai oleh agensi-agensi</b>.</li> <li>• Boleh dilaksanakan dengan pengubahsuaian mengikut <b>keperluan dengan kos yang berpatutan</b>.</li> </ul>	<b>10</b>
4	<b>IMPAK KEPADA PELANGGAN</b>	<p>Peningkatan tahap kepuasan pelanggan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurangan dalam bilangan aduan pelanggan.</li> <li>• Hasil kajian maklum balas pelanggan yang positif.</li> </ul>	<b>10</b>
5	<b>IMPAK KEPADA STAKEHOLDER</b>	<p>Memenuhi ekspetasi <i>stakeholder</i> dengan lebih efektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan <i>stakeholder</i> boleh dipenuhi dengan lebih cekap, cepat, tepat dan mudah.</li> <li>• Peningkatan faedah kepada agensi.</li> </ul>	<b>10</b>

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
6	<b>OUTCOME</b>	<p>Kriteria ini bertujuan untuk menilai sejauh mana inovasi yang dihasilkan memenuhi ciri-ciri efisien iaitu yang dapat menyumbang kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjimatan masa</li> <li>• Penjimatan kos</li> <li>• Penggunaan Sumber Manusia secara optimum</li> <li>• Mudah digunakan (<i>user-friendly</i>)</li> <li>• Keselamatan maklumat (kerahsiaan)</li> <li>• Nilai komersil (Perlindungan Harta Intelek)</li> </ul>	<b>20</b>
7	<b>KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN</b>	<p><b>Komitmen dalam sumber manusia:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan percambahan inovasi di kalangan warga PDT.</li> <li>• Mengiktiraf warga yang menghasilkan inovasi.</li> </ul> <p><b>Komitmen dalam pengurusan kewangan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggunakan bajet sedia ada dalam penghasilan inovasi.</li> </ul>	<b>10</b>

BIL	KRITERIA UTAMA	SUB KRITERIA	MARKAH
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Menilai inovasi yang mempunyai unsur <i>value for money</i> untuk pulangan yang optimum.</li> </ul> <p><b>Komitmen dalam peralatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bantuan dari segi peralatan untuk menghasilkan inovasi.</li> </ul>	
8	<b>AMALAN BAIK (BENCHMARKING)</b>	Jemputan untuk berkongsi penghasilan projek inovasi dengan agensi lain (dijadikan amalan baik).	<b>5</b>
9	<b>PROMOSI (HEBAHAN)</b>	<p>Hebahan dibuat menggunakan kaedah-kaedah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Laman web/ portal;</li> <li>Surat khabar;</li> <li>Majalah/ Buletin;</li> <li>Taklimat/ <i>Roadshow</i>;</li> <li>Majlis/ Perhimpunan;</li> <li>Radio;</li> <li>Televisyen; dan</li> <li>Jurnal.</li> </ul>	<b>5</b>
10	<b>PERSEMBAHAN</b>	<p>Penilaian terhadap persembahan bagi projek yang dibentangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penyediaan laporan;</li> <li>Persembahan projek.</li> </ul>	<b>10</b>
<b>JUMLAH</b>			<b>100</b>

Hanya **Johan** setiap kategori yang memperoleh penilaian markah **80 peratus dan ke atas** sahaja yang layak untuk dipertandingkan/ menyertai **Anugerah Inovasi Menteri Besar Tahun 2025**.

## 6. TATACARA PERMOHONAN

Pejabat Daerah dan Tanah yang berminat untuk menyertai AIPDT 2025 boleh membuat permohonan seperti berikut:

6.1 Melengkapkan **Borang Permohonan AIPDT 2025** seperti di Lampiran A dengan ditandatangani oleh Ketua Jabatan (Pegawai Daerah/ Ketua Penolong Pegawai Daerah (Daerah Kecil) **sebelum atau pada 15 JULAI 2025**;

6.2 Mengemukakan **softcopy Laporan AIPDT 2025** melalui e-mel / *google drive* atau mana-mana platform yang bersesuaian kepada pihak urus setia **sebelum atau pada 15 JULAI 2025**;

6.3 Bagi calon yang melepasi syarat dan kriteria yang ditetapkan akan dipanggil untuk pembentangan fizikal pada bulan **SEPTEMBER 2025**. Calon perlu menyediakan **satu (1) salinan Laporan AIPDT 2025** dalam bentuk *hardcopy*; dan

6.4 Melengkapkan senarai semak permohonan AIPDT 2025 seperti di **Lampiran C**.

6.5 Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada urus setia seperti berikut:

**Bahagian Khidmat Pengurusan,  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak,  
Bangunan Sri Perak Darul Ridzuan  
No Telefon : 05-2531957  
No Faks : 05-2434451**

**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (AIPDT)  
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

PROJEK INOVASI			
Tajuk Projek Inovasi			
Kategori Inovasi			
Projek Inovasi bersifat (Sila tanda/pada yang berkaitan)	Penciptaan	<input type="checkbox"/>	Penambahbaikan
Projek siap dan dilaksanakan mulai:			
Projek Inovasi ini pernah/ tidak pernah dipertandingkan dalam mana-mana anugerah inovasi (Sekiranya ada sila nyatakan Nama Pertandingan, Tahun Penyertaan dan Pencapaian)			
MAKLUMAT PEJABAT DAERAH DAN TANAH			
Nama PDT			
Alamat Pejabat			
Laman Web			
Nama Kumpulan			
Nama Ahli Kumpulan	1.		
	2.		
	3.		
	4.		
	5.		
	6.		
	7.		
	8.		
	9.		
	10.		
MAKLUMAT PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI			
Nama			
Jawatan			
No. Tel. Pejabat			
No. Tel. Bimbit			
No. Faks			
E-mel			
PENGESAHAN KETUA JABATAN			
<p>Saya mengesahkan bahawa Jabatan/ Agensi yang dinamakan di atas bersetuju menyertai pertandingan ini.</p>			
<p>..... <b>Tandatangan Ketua Jabatan</b></p>		<p><b>Cop Jabatan</b></p>	
<p><b>Tarikh:</b></p>			

**FORMAT LAPORAN INOVASI PERTANDINGAN  
ANUGERAH INOVASI PEJABAT DAERAH DAN TANAH (AIPDT) TAHUN 2025  
PERINGKAT NEGERI PERAK**

Format laporan penilaian ini adalah garis panduan yang umum. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) perlu memberikan maklumat mengenai setiap kriteria penilaian yang dinyatakan di bawah. Format ini disediakan sebagai panduan dan maklumat tambahan seperti gambar inovasi, statistik dan carta boleh disertakan mengikut keperluan PDT. Setiap laporan perlu merangkumi:

1. Ringkasan eksekutif.
2. Laporan penuh yang merangkumi semua kriteria utama seperti di bawah. Setiap kriteria perlu dihuraikan di dalam bab yang berbeza.

<b>BIL</b>	<b>KRITERIA UTAMA</b>	<b>MARKAH</b>
1	IDEA	10
2	TAHAP PELAKSANAAN	10
3	<i>REPLICABILITY</i>	10
4	IMPAK KEPADA PELANGGAN	10
5	IMPAK KEPADA STAKEHOLDER	10
6	<i>OUTCOME</i>	20
7	KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN	10
8	AMALAN BAIK ( <i>BENCHMARKING</i> )	5
9	PROMOSI (HEBAHAN)	5
10	PERSEMBAHAN	10
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

3. Rumusan mengenai kelebihan inovasi yang dicalonkan dan hujah-hujah mengapa inovasi yang dicalonkan wajar dipertimbangkan untuk memenangi AIPDT 2025.

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PERTANDINGAN AIPDT 2025**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua perkara-perkara tersebut di atas telah dipatuhi dalam mengemukakan Borang Permohonan Pertandingan AIPDT 2025:

(Sila tandakan / bagi senarai semak berkenaan)

Menyertakan Borang Permohonan Pertandingan AIPDT 2025 seperti di **Lampiran A** yang telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

Menyertakan Laporan AIPDT 2025 di dalam bentuk *softcopy* berdasarkan **Lampiran B**.

.....  
Tandatangan

Cop Jabatan

Nama :

Jawatan :

Tarikh :